



**KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI**
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

**GARIS PANDUAN PENCALONAN
ANUGERAH SAINTIS MUDA NEGARA
(KATEGORI BIOLOGI, FIZIK, KIMIA, KEJURUTERAAN DAN INDUSTRI)
TAHUN 2026**

**URUS SETIA
BAHAGIAN PEMBUDAYAAN DAN PERKHIDMATAN STI
JULAI 2026**

SENARAI KANDUNGAN

Bil.	Perkara	Muka surat
1.	Pengenalan	3
2.	Syarat-syarat Umum Penyertaan	3
3.	Syarat-syarat Khusus	4
4.	Tatacara Penyertaan Pencalonan	5
5.	Pemilihan Penerima Anugerah dan Keputusan	8
6.	Hadiah Anugerah	9

A. PENGENALAN

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berhasrat untuk memberi pengiktirafan terhadap sumbangan dan pencapaian dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) sains dan teknologi melalui Anugerah Saintis Muda Negara lima (5) kategori (Biologi, Fizik, Kimia, Kejuruteraan dan Industri) yang dilaksanakan pada tahun 2026. Pada tahun ini MOSTI memperkenalkan kategori baru untuk dibuka kepada industri.

Bidang fokus MOSTI bagi pencalonan tahun 2026 adalah Kecerdasan Buatan, Tenaga Boleh Diperbaharui, Teknologi Angkasa, Bahan Termaju (*Advanced Materials*), Pembangunan Vaksin, Unsur Nadir Bumi (*Rare Earth Elements*) dan Perubatan.

B. SYARAT-SYARAT UMUM PENYERTAAN

1. Pencalonan terbuka kepada warganegara Malaysia sahaja;
2. Setiap penyertaan mestilah dihantar pada atau sebelum tarikh tutup penyertaan. Penyerahan selepas tarikh tutup yang ditetapkan akan ditolak secara automatik;
3. Pencalonan berhak untuk ditolak sekiranya tidak memenuhi syarat umum dan khusus bagi kategori anugerah yang dicalonkan;
4. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi tidak akan bertanggungjawab atas sebarang perbelanjaan, kerosakan dan kehilangan dokumen penyertaan sebelum, semasa atau selepas penyertaan;

5. Segala keputusan yang dibuat oleh panel hakim adalah muktamad; dan
6. Tarikh tutup pencalonan adalah pada **25 September 2026 (Jumaat)**.

C. SYARAT-SYARAT KHUSUS PENCALONAN

BIL.	ANUGERAH	SYARAT
1.	Anugerah Saintis Muda Negara Tahun 2026 bagi lima (5) kategori: I. Biologi II. Fizik III. Kimia IV. Kejuruteraan V. Industri	i) Calon hendaklah berumur 40 tahun tepat dan ke bawah pada tahun semasa ; ii) Terbuka kepada individu (saintis/penyelidik) warganegara Malaysia yang menjalankan projek kajian/penyelidikan di pusat penyelidikan awam/swasta, syarikat, Institut Pengajian Tinggi awam/swasta atau organisasi awam/swasta di Malaysia ; iii) Pencalonan adalah berdasarkan kepada penyelidikan asli cemerlang dan menyumbang kepada kemajuan Sains & Teknologi, sosio-ekonomi dan perindustrian Negara; iv) Hasil penyelidikan/ proses/ metodologi/ produk yang dikemukakan mestilah telah diterbitkan/ dihasilkan sebelum tarikh pencalonan ; dan v) Berdaftar di laman web kajian data R&D MOSTI - https://krste.my/ .

D. TATACARA PENYERTAAN PENCALONAN ANUGERAH SAINTIS MUDA NEGARA

1. Butiran lanjut mengenai borang pencalonan, ringkasan pencalonan dan dokumen adalah seperti di pautan <https://bit.ly/AnugerahSaintisMudaNegara2026>;
2. Tatacara Pencalonan pada pautan tersebut hendaklah dibaca dan difahami dengan teliti;
3. Pencalonan hendaklah dibuat oleh Ketua Pusat Penyelidikan, Naib Canselor Universiti atau Ketua Organisasi Swasta di mana individu bertugas;
4. Pastikan semua borang (Borang Pencalonan dan Senarai Semak Dokumen Pencalonan) telah lengkap diisi sebelum di emel;
5. Borang/dokumen yang tidak lengkap tidak akan diambil kira;
6. Penilaian pertama calon adalah melalui ***Curriculum Vitae (CV)*** yang **tidak melebihi 3 muka surat sahaja**;
7. **Tiada format CV** ditetapkan tertakluk kepada kreativiti calon untuk menulis maklumat yang relevan;
8. Tarikh tutup penerimaan pencalonan adalah pada **25 September 2026 (Jumaat), jam 5.00 petang**;
9. Calon perlu bersedia untuk ditemuduga sekiranya perlu; dan
10. Sebarang pertanyaan mengenai pencalonan boleh dikemukakan kepada urusetia melalui emel sekretariatASMN@mosti.gov.my

E. FORMAT DOKUMEN ANUGERAH SAINTIS MUDA NEGARA

1) Muat turun :

- a. Folder ASMN 2026 di pautan yang disediakan; dan
- b. 'Senarai Semak Dokumen Pencalonan Anugerah Saintis Muda Negara Tahun 2026' di pautan yang disediakan.

2) Semak senarai borang dan dokumen yang diperlukan pada 'Senarai Semak Dokumen Pencalonan Anugerah Saintis Muda Negara Tahun 2026' yang telah dimuat turun tadi.

3) Lengkapkan :

- a. Borang Pencalonan dan CV; dan
- b. Semua dokumen pada 'Senarai Semak Dokumen Pencalonan Anugerah Saintis Muda Negara Tahun 2026'.

4) Muat naik :

- (i) Semua dokumen yang telah lengkap diisi perlu diletakkan di dalam **Zip File** mengikut turutan dan nama fail seperti senarai semak / *folder* ASMN.

5) **Zip File dan **CV** sahaja perlu dilampirkan di dalam emel kepada pihak urus setia.**

6) **Pencalonan yang gagal berbuat seperti arahan tidak akan dipertimbangkan.**

F. FORMAT EMEL ANUGERAH KEPADA URUSETIA

Nama :

Jawatan :

Organisasi :

Kategori : ☐ Biologi

Pencalonan ☐ Fizik

☐ Kimia

☐ Kejuruteraan

☐ Industri

Nama Kajian :

G. PEMILIHAN PENERIMA ANUGERAH DAN KEPUTUSAN

1. Keputusan Panel Penilai adalah muktamad;
2. Pencalonan akan dinilai oleh Panel Penilai untuk pemilihan penerima Anugerah. Panel Penilai boleh memanggil calon-calon untuk temuduga sekiranya diperlukan;
3. Penerima Anugerah juga perlu menyediakan satu video mengenai kajian yang dilakukan berdurasi 1-3 minit untuk tujuan promosi kajian penerima anugerah, organisasi dan MOSTI secara amnya; dan
4. Penerima Anugerah hendaklah bersedia untuk menyampaikan syarahan/ceramah mengenai hasil kerja yang memenangi Anugerah ini dari semasa ke semasa apabila diperlukan.

H. HADIAH ANUGERAH

BIL.	KATEGORI	HADIAH WANG TUNAI (RM)	HADIAH SAMPINGAN
i.	Biologi	20,000	i. Plak ii. Sijil penghargaan bagi setiap kategori iii. Peluang dianugerahkan Geran Penyelidikan MOSTI bernilai sehingga RM1,000,000.00 tertakluk kepada terma dan syarat Jawatankuasa Dana MOSTI.
ii.	Fizik	20,000	
iii.	Kimia	20,000	
iv.	Kejuruteraan	20,000	
v.	Industri	20,000	